JURNAL PENGAJIAN MELAYU
e-ISSN: 2735-1904
VOL.36, ISSUE 2, 18-35
https://doi.org/10.22452/jomas.vol36no2.2

PUISI ETNIK SULUK DI SABAH

AN EXPLORATION OF SULUK TRADITIONAL POETRY IN SABAH

Asmiaty AMAT*[1]
Nurhasan DANIAL[2]
Nelson DINO[3]
[1]Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah
Jalan UMS, 88450 Kota Kinabalu, Sabah.
[2]Western Mindanao State University,
San Jose Road, Zamboanga City, Philippines
[3]Mindanao State University
Tawi-Tawi College of Technology and Oceanography, Sanga-sanga,
Bongao, Tawi-Tawi Philipines.
*[1]asmiaty@ums.edu.my
[2]mynurdanial@gmail.com
[3]nelsondino@msutawi-tawi-tawi.edu.ph

Corresponding author*

Received: 4th December 2024 *Accepted: 24th August 2025*

ABSTRAK

Etnik Suluk merupakan salah satu etnik peribumi yang mendiami kawasan pesisir negeri Sabah yang memiliki sejarah yang cukup panjang. Sejarah Kesultanan Sulu yang pernah berkuasa di selatan Filipina seringkali menuntut Sabah sebagai salah satu wilayah tadbir mereka. Oleh hal yang demikian, tanggapan masyarakat terhadap orang Suluk di Sabah agak berbelah bahagi. Meskipun mereka seringkali dikategorikan sebagai imigran dari Filipina, masyarakat Suluk sebenarnya termasuk dalam kelompok peribumi Sabah yang memberikan sumbangan penting terhadap pembangunan budaya dan sosial negeri ini. Mereka memiliki kebudayaan yang beragam serta warisan seni sastera yang bernilai dan harus ditelusuri dan diperkenalkan kepada masyarakat. Kajian lapangan ini melibatkan enam informan utama yang berperanan sebagai pakar sastera Suluk di Sabah, dengan tujuan mengenal pasti dan menonjolkan bentuk puisi yang dimiliki etnik ini. Pengumpulan data yang julung-julung kali dilakukan bertujuan untuk mendokumentasikan puisi tradisi etnik ini kerana ia dapat mencirikan identiti etnik tersebut selain memperlihatkan keunikan dan keindahannya. Data yang telah diperoleh daripada temubual dan pemerhatian di lapangan dianalisis menggunakan Pengkaedahan Melayu yang diperkenalkan oleh Hashim Awang. Pendekatan yang memperincikan tentang pendekatan alamiah, gunaan, moral dan firasat menunjukkan bahawa seni puisi orang Suluk bukan sahaja indah dan beragam tetapi memiliki nilai falsafah yang tinggi sejajar dengan maksud kesusasteraaan itu sendiri, *dulce et utile*, indah dan bermanfaat.

Kata Kunci: Sabah; Suluk; puisi; Pengkaedahan Melayu; identiti

ABSTRACT

The Suluk ethnic group is one of the indigenous communities inhabiting the coastal areas of Sabah and possesses a long and complex history. The history of the Sulu Sultanate, which once ruled southern Philippines, has often included territorial claims over Sabah as part of its administrative domain. Consequently, public perceptions of the Suluk people in Sabah have been divided. Although they are frequently classified as immigrants from the Philippines, the Suluk community is, in fact, part of Sabah's indigenous population and has made significant contributions to the state's cultural and social development. They possess a rich and diverse culture, along with a valuable literary and artistic heritage that deserves to be explored and introduced to the wider community. This field study involved six key informants who serve as Suluk literary experts in Sabah, with the aim of identifying and highlighting the poetic forms unique to this ethnic group. This pioneering data collection was undertaken to document the traditional poetry of the Suluk people, as it reflects their ethnic identity while showcasing its uniqueness and aesthetic beauty. The data obtained from interviews and observations were analyzed using the *Pengkaedahan Melayu* (Malay Methodology) introduced by Hashim Awang. This approach, which emphasizes the natural, utilitarian, moral, and intuitive dimensions, reveals that Suluk poetry is not only beautiful and diverse but also embodies profound philosophical values consistent with the true essence of literature itself, dulce et utile, that which is both beautiful and beneficial.

Keywords*:* Sabah; Suluk; poetry; Malay Methodology; identity

Pengenalan

Sabah kaya dengan kepelbagaian khazanah warisan seni budaya yang terhasil daripada pecahan puluhan suku kaum yang terdapat dalam masyarakat tersebut. Namun demikian, sebahagian besar warisan budaya masyarakat Sabah belum diperkenalkan pada umum. Terdapat juga masyarakat di Sabah sendiri yang tidak mengenali bentuk karya sastera yang ada sedangkan, ia semakin terkubur bersama para pendukung dan pengamalnya yang sudah lanjut usia. Masih banyak lagi khazanah sastera rakyat milik etnik minoriti seperti Lundayeh, Idahan, Cocos, Tidung, Bugis, Iranun, kaum Bonggi, dan beberapa suku lain di Sabah yang tidak diberikan perhatian yang sewajarnya sama ada untuk dikaji secara ilmiah mahupun diketengahkan sebagai elemen hiburan tradisi di negeri Sabah. Ternyata banyak persamaan dan perbezaan ciri puisi tradisi etnik Sabah dengan puisi yang wujud di Semenanjung Tanah Melayu atau kepulauan Nusantara lainnya. Selain puisi rakyat seperti pantun, etnik di Sabah memiliki teka-teki, lagu atau nyanyian rakyat yang menarik. Sebahagian besar elemen yang menonjol dalam lagu rakyat atau puisi tradisi di Sabah menggunakan unsur-unsur pantun sebagai asasnya (Lokman Abdul Samad, 2006, p. 66). Pantun boleh ditemui dalam etnik Brunei, Bajau dan Cocos. Keindahan dan kehalusan pantun dalam masyarakat di Sabah diserlahkan menerusi kaedah berlagu, iaitu dengan menyanyikan pantun secara solo ataupun dengan kaedah berbalas-balas. Keindahan serta kehalusan pantun dalam kalangan masyarakat di Sabah terserlah melalui kaedah berlagu, iaitu dengan menyanyikan pantun sama ada secara solo atau secara berbalas-balas. Dalam kalangan masyarakat Cocos yang menetap di beberapa kampung di Tawau dan Lahad Datu, pantun dilagukan menerusi tarian selong. Bagi masyarakat Brunei di kawasan Bongawan, Membakut, dan Papar, pantun pula dilagukan dalam bentuk berbalas-balas yang dikenali sebagai *badundang*. Sementara itu, suku Bajau di pantai barat Sabah, khususnya di daerah Tuaran dan Kota Belud, mengenali pantun atau kalang sebagai isun-isun, iaitu pantun yang dinyanyikan secara berbalas-balas dengan iringan gesekan biola, dan lazimnya dipersembahkan oleh kaum wanita.

Selain pantun, terdapat banyak puisi rakyat yang tidak diketahui bentuk dan fungsinya, terutamanya bagi etnik yang jarang-jarang diketengahkan dalam arus perdana. Kepelbagaian masyarakat Sabah dengan ragam budaya yang berbeza menunjukkan bahawa penelitian terhadap pantun Sabah masih banyak ruang kosong yang belum terisi dan memerlukan kajian yang mendalam daripada para sarjana serta pencinta warisan seni budaya bangsa. Makalah ini cuba memberi perhatian berkenaan puisi tradisi masyarakat Suluk di negeri Sabah. Menerusi dokumentasi yang telah dilakukan di beberapa buah daerah, puisi tradisi etnik Suluk di negeri Sabah dapat dikenal pasti dan juga dapat ditonjolkan keindahannya.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif kajian lapangan berasaskan temu bual dan pemerhatian yang dilakukan di sekitar Kota Kinabalu terutama di kawasan bandar dan sekitar Likas, Inanam dan Menggatal yang menjadi tempat tinggal orang Suluk. Beberapa informan yang dikenalpasti memiliki pengetahuan yang mendalam terhadap puisi Suluk telah ditemubual. Seramai enam orang informan telah dikenal pasti memberikan data dan proses penterjemahan dilakukan dengan merujuk kepada pakar dan terjemahan bahasa Suluk. Semua data yang dikumpulkan dianalisis menggunakan teori Pengkaedahan Melayu. Oleh itu, kajian ini menggunakan Pengkaedahan Melayu yang dibangunkan oleh Hashim Awang (2002) berpandukan pendekatan gunaan, pendekatan moral, pendekatan firasat, pendekatan dakwah dan pendekatan kemasyarakatan.

e ISSN 2735 –1904

Teori Pengkaedahan Melayu

Hashim Awang (2002) telah membangunkan Teori Pengkaedahan Melayu yang terbahagi kepada dua pengkaedahan, iaitu pengkaedahan alamiah dan pengkaedahan keagamaan yang fungsinya saling berkaitan antara satu sama lain. Setiap pengkaedahan tersebut dibahagikan pula kepada beberapa pendekatan. Pengkaedahan Alamiah mengandungi tiga pendekatan, iaitu pendekatan gunaan, pendekatan moral, dan pendekatan firasat. Pengkaedahan Keagamaan juga menyenaraikan tiga pendekatan, iaitu pendekatan dakwah, pendekatan kemasyarakatan, dan pendekatan seni.

Pengkaedahan Alamiah

Pengkaedahan Alamiah berteraskan sikap atau cara hidup masyarakat Melayu yang menjadikan alam sebagai sebahagian daripada dirinya. Menurut Hashim Awang (2002), teori ini didadasari kepada anggapan bahawa sastera merupakan salah satu daripada ciptaan manusia yang merupakan hasil ciptaan Tuhan. Sama seperti sastera yang dihasilkan manusia menerusi pengamatan mereka terhadap alam. Masyarakat Melayu memiliki kehalusan budi bahasa dan mempunyai kebijaksanaan dalam memberikan tunjuk ajar, panduan atau pengajaran kepada golongan tertentu dalam masyarakat dengan kehalusan bahasa yang dimiliki. Ciri keunikan tersendiri itu menuntut agar pengkajian sastera Melayu menggunakan pendekatan yang sesuai dengan corak, bentuk dan latar pertumbuhan serta perkembangannya. Pendekatan Alamiah berteraskan kepada cara atau sikap hidup masyarakat Melayu terhadap alam, iaitu menjadikan alam sebagai sebahagian daripada diri mereka. Alam dijadikan faktor utama untuk memberikan mereka pekerjaan, pengalaman, pengajaran dan kebajikan (Hashim Awang, 1993a). Berdasarkan tanggapan yang demikian, Hashim Awang menjelaskan tiga pendekatan yang tergolong dalam pengkaedahan alamiah, iaitu pendekatan gunaan, pendekatan moral dan pendekatan firasat.

(i)Pendekatan Gunaan

Sastera adalah ciptaan manusia yang berfungsi untuk dimanfaatkan oleh manusia itu sendiri (Hashim Awang, 1993a). Zurinah Hassan (2010) menjelaskan bahawa kejadian atau ciptaannya itu mempunyai sebab, hikmah, fungsi tujuan, serta ukuran dan imbangannya. Ukuran dan imbangan ini boleh dinilai dari segi isi dan strukturnya. Di samping itu, kejadian itu (kejadian kesusasteraan) boleh dimanfaatkan oleh manusia sama seperti objek alam yang lain.

(ii)Pendekatan Moral

Pendekatan moral timbul ekoran daripada tanggapan dasar yang dipegang, iaitu sastera dianggap sebagai objek yang terhasil daripada alam dan juga merupakan suatu kejadian alam yang bersifat pengalaman hidup. Pengalaman tersebut biasanya terdiri daripada dua perkara penting, iaitu tentang peristiwa yang dilalui oleh manusia dan maklumat yang berkaitan dengan manusia serta suasana persekitaran mereka. Perlakuan manusia tersebut dapat dinilai aspek positif dan negatifnya untuk dijadikan contoh teladan dan batas sempadan. Maka, sastera mampu menepati konsep kepustakaan yang di dalamnya boleh ditimba sebanyak mungkin pengajaran dan pengalaman (Hashim Awang, 1993b). Karya sastera itu sebagai objek alam yang mengalami proses pembentukan atau penciptaan. Hal ini diperolehi melalui pengalaman dan pentafsiran pengarang terhadap manusia dan lingkungannya. Ada dua bentuk pengalaman yang terserap dalam hasil karya sastera itu. Bentuk pertama merupakan pengalaman tentang peristiwa-peristiwa yang berlaku atau dilalui oleh manusia. Keragaman peristiwa itu sebahagian besarnya boleh menjadi contoh dan teladan dalam hidup pembaca. Melalui pengalaman-pengalaman sedemikian, khalayak sudah tentu akan memikirkan bahawa kehidupan ini penuh dengan ketidaktentuan. Teladan yang diperolehi daripada kehidupan watak boleh dijadikan iktibar. Peristiwa yang menimpa juga mengajar manusia bahawa

mereka mestilah bersedia untuk menghadapi kemungkinan-kemungkinan atau takdir yang telah ditentukan oleh Allah SWT. Bentuk pengalaman yang kedua ialah maklumat-maklumat berkenaan dengan hidup dan kehidupan manusia itu. Perkara yang dimaksudkan ialah ilmu dan pengetahuan berkenaan sesuatu disiplin ilmu yang diketahui oleh pengarangnya, iaitu yang diperoleh sama ada secara formal mahu pun tidak formal. Kesemua perkara itu diadun ke dalam karya sastera dengan kekuatan daya kreativiti pengarang. Oleh itu, sastera dilihat mampu menyediakan pelbagai ilmu dan pengetahuan seperti ilmu dalam bidang budaya, sosial, ekonomi, dan politik, yang boleh menambah pengetahuan dan pengajaran kepada pembaca, di samping mempunyai nilai-nilai estetik (Zurinah Hassan, 2010). Moral dalam konteks ini bermaksud dalam sesuatu karya itu perlu didasari oleh pengalaman pengarang yang terkandung ilmu pengetahuan. Pengarang yang menulis karya sastera berdasarkan pengalaman dan ada sesuatu yang berguna dari segi pengetahuan. Hal ini bermaksud dalam sesebuah karya ada pengalaman dan ilmu tentang perkara yang diceritakan oleh pengarang. Oleh itu, moral adalah percambahan ilmu dan persoalan tentang ilmu. Moral itu juga berkisar kepada permasalahan pengalaman ilmu-ilmu yang boleh diambil atau diteroka dalam karya sastera.

(iii) Pendekatan Firasat

Pendekatan ini sama dengan Pendekatan Moral yang ditunjangi dengan tanggapan bahawa sastera adalah suatu kejadian alam yang menghasilkan pengalaman hidup. Kejadian tersebut dikaitkan pula dengan mimpi, iaitu kejadian alam yang mempunyai makna atau pengertian yang penemuannya dapat dilakukan menerusi takbir atau tafsiran. Ia juga merupakan satu proses menemukan makna menerusi tafsiran lambang atau alamat tertentu yang wujud di dalamnya (Hashim Awang, 1994). Kejadian ini dikaitkan dengan mimpi kerana mimpi itu ialah suatu pengalaman hidup yang penuh misteri. Sebahagian besar masyarakat Melayu menganggap mimpi itu penting dan bermakna dalam kehidupan. Mimpi yang diperoleh semasa tidur (tidur ialah kejadian alam) berlaku secara bawah sedar, maknanya perlu ditakbir atau ditafsir. Karya sastera juga boleh disifatkan sebagai‘mimpi’tetapi dilakukan secara sedar. Bertepatan dengan proses penciptaannya, sastera juga menyerupai kejadian suatu mimpi. Ia merupakan suatu kejadian alam yang mempunyai makna atau maksud, yang penemuannya itu hanya dapat dikerjakan melalui proses takbir atau tafsiran. Kemisteriannya itu terdapat dalam bentuk corak atau teknik penyampaiannya, seperti penggunaan bahasa yang berlapis, pemakaian lambang, penamaan dan pemerian sifat watak, serta aspek penceritaannya yang kompleks.

Kemisteriannya itu juga terdapat dalam corak persembahannya, iaitu bermaksud karya sastera itu mengandungi makna di sebalik perkara yang berlaku. Hal ini bererti bahawa sastera itu mengandungi dua lapis makna, iaitu lapis makna yang tersurat dan lapis makna yang tersirat. Makna yang pertama adalah jelas, tetapi makna yang kedua memerlukan mata hati, atau pemikiran dan keintelektualan untuk memahaminya (Rahman Shaari, 1993). Hal yang pertama itu dipenuhi dengan petanda atau alamat tertentu, iaitu Dalam memahami makna yang tersirat juga memerlukan pentafsiran (takbir). Kerja mentakbir atau mentafsir itu dapat dilakukan melalui pemahaman pada penanda-penanda yang terdapat pada lapis yang tersurat, serta proses berfikir dan menaakul secara kritis dan terbuka yang berpandukan kepada akal (gerak hati) dan ilmu pengetahuan. Ini bermakna untuk memperoleh makna yang tersirat (petanda) karya sastera itu perlu dicari petanda-petanda atau alamatnya terlebih dahulu.

Pengkaedahan Keagamaan

Seterusnya, Pengkaedahan Keagamaan yang berdasarkan kepada keimanan yang bersendikan agama Islam. Sumber paling besar yang menjadi bahan rujukan ialah al-Quran dan Hadis. Pembentukannya pula adalah bersandarkan tujuan menyerlahkan sifat-sifat keagungan Allah dengan mempertingkatkan ketakwaan terhadap-Nya. Dengan ciri-ciri tersebut, Hashim Awang menggariskan tiga pendekatan yang saling berhubungan antara satu sama lain. Ketiga-tiga pendekatan tersebut lebih memberikan penekanan kepada tiga nilai utama sastera Islam iaitu estetika, moral dan

e ISSN 2735 –1904

keagungan Allah. Pendekatan tersebut dikenali sebagai pendekatan dakwah, pendekatan kemasyarakatan dan pendekatan seni (Hashim Awang, 1994).

(i) Pendekatan Dakwah

Pendekatan Dakwah melihat sastera sebagai wadah untuk mempertingkatkan nilai ketakwaan seseorang insan terhada Allah SWT. Setiap karya sastera itu dianggap boleh menyampaikan persoalan-persoalan dan memaparkan sifat-sifat kemuliaan dan keagungan kekuasaan Allah. Sastera dapat diibaratkan sebagai 'kitab' yang dapat membantu insan mengenali sifat dan diri Tuhan dengan lebih dekat sehingga timbulnya pertambahan dan peningkatan rasa kecintaan dan kehormatan insan terhadap-Nya. Oleh itu, karya sastera dilihat sebagai mampu menjelaskan kemurnian dan kelebihan agama Islam. Di samping itu, karya sastera juga dikatakan boleh memaparkan kesucian agama Islam dan menjadi alat mengembang agama Islam (Hashim Awang, 2002).

(ii) Pendekatan Kemasyarakatan

Pendekatan Kemasyarakatan pula menekankan unsur kebaikan dalam karya sastera. Karya sastera dianggap sebagai pendedahan segala persoalan yang berakar kepada tujuan mencari kebaikan dan keadilan dalam masyarakat seperti yang dituntut oleh Islam. Dalam konteks ini, sastera dianggap lumrah untuk mendedahkan dengan jelas, benar dan berani permasalahan kemungkaran, ketidakadilan, penipuan, kepura-puraan, rasuah dan pelbagai permasalahan yang dianggap sebagai punca kepincangan masyarakat dan keimanan insan. Daripada dasar itu, kajian sastera dapat ditumpukan kepada soal isi dan tema yang terpancar dari permasalahan tersebut (Hashim Awang, 1988).

(iii) Pendekatan Seni

Pendekatan Seni digunakan untuk menilai aspek dalaman karya sastera, iaitu menjadikan unsur keindahan dalam karya sastera sebagai persoalan pokok dalam analisis. Keindahan di sini ialah keindahan yang terbatas kepada nilai-nilai etika Islam yang tidak bertentangan dengan akidah serta ajaran Islam. Penelitian dan penilaian karya boleh dilakukan berdasarkan kepelbagaian pada bentuk jasman dan rohaninya, iaitu pada gaya pemaparan dan pemilihan tema, watak, plot, sudut pandangan, gaya penceritaan atau gaya bahasanya.

Menurut Hashim Awang (1998) keindahan itu adalah berteraskan tauhid. Alam dalam penelitian sastera ialah menemukan segala-galanya untuk kemudiannya kembali kepada memperkukuhkan tapak asas yang murni lagi suci iaitu keimanan, ketakwaan, dan kecintaan kepada Allah (Hashim Awang, 1994). Pembentukannya karya sastera dalam acuan yang ada keteraturan dan keindahan yang memiliki nilai-nilai makna dan hikmah, seperti yang terdapat pada keindahan alam semesta ciptaan Allah. Hashim Awang merumuskan bahawa sastera Melayu yang bersifat tersendiri wajar diteliti daripada kaedah dan pendekatan tersendiri pula. Kedua, pengkaedahan dan pendekatan yang berasaskan sikap hidup, kepercayaan dan keagamaan adalah dianggap paling layak dan berkesan. Seterusnya, penggunaan pengkaedahan dan pendekatan yang demikian sifatnya dikira dapat menyerlahkan dengan lebih benar dan jelas ciri-ciri sastera di samping dapat pula memperkaya dan memperkukuhkan pengkajiannya.

Etnik Suluk di Sabah

Dalam konteks istilah, Suluk atau orang Suluk merujuk kepada kaum Tausug, iaitu kaum dominan di kepulauan Sulu. Orang Tausug juga digelar orang Suluk oleh masyarakat Melayu Brunei disebabkan kesukaran mereka menyebut Tausug (Julasri Hajad, 2007, p. 13). Orang Suluk diiktiraf sebagai anak Negeri Sabah seperti yang tercatat pada Ordinan Tafsiran (Definisi anak Negeri) 1952 [Sabah Cap. 64]. Mereka merupakan kaum peribumi atau orang asli pesisir samada mereka menempati Negeri Sabah

atau di Kepuluan Sulu Filipina. Kecenderungan mereka menetap di kawasan pinggir laut dan sungai menyebabkan mereka mudah ditemui di bandar-bandar terutamanya di sekitar Kota Kinabalu, Sandakan, Lahad Datu, Kudat, Semporna dan Tawau. Kebanyakan etnik Suluk yang terdapat di Sabah sering kali dikaitkan dengan orang Suluk di selatan Filipina sehingga mereka dilabelkan sebagai pelarian dan jarang-jarang ditonjolkan dalam budaya etnik nasional. Sumbangan mereka sepatutnya perlu dilihat dalam kerangka yang lebih luas apatah lagi etnik ini tergolong dalam kerangka bahasa dan budaya yang sama dengan Melayu (Asmah Omar, 1983, p. 409).

Perbahasan berkenaan penghijrahan etnik Suluk di Sabah jelas ditunjukkan dalam beberapa penulisan yang mengklasifikasikan etnik Suluk sebagai kelompok bermigrasi. Badlishisyam (2000) membahaskan tentang migrasi dan dakwah dalam kalangan migran Filipina Muslim di Kota Kinabalu, Sabah dengan membahagikannya kepada beberapa tempoh masa, iaitu era Sepanyol menyerang Sulu dan Tawi-Tawi di selatan Filipina yang menyebabkan kemasukan beramai-ramai orang Suluk ke Sabah sekitar abad ke-15, era perjuangan Mindanao pada tahun 1970-1977 dan selepas tahun 1978. Penulisan beliau ini berhujah bahawa ketidakstabilan politik dan pergolakan di selatan Filipina dan gerakan dakwah islamiah menyebabkan berlakunya migrasi etnik Suluk ke Sabah. Dalam penulisan beliau, istilah migran digunakan bagi merujuk komuniti Suluk di Sabah, sedangkan sumbangan etnik Suluk dalam sejarah Sabah amat signifikan, khususnya dalam proses pembebasan negeri ini daripada kuasa penjajah, seperti yang dapat dilihat melalui perjuangan tokoh tempatan Mat Salleh dan pengikutnya.

Sumbangan lain melibatkan pembangunan tanah yang kemudiannya berkembang menjadi bandar utama di Pantai Timur Sabah, seperti Tawau dan Sandakan, merupakan hasil peranan aktif keluarga Kee dan para pengikutnya pada era sebelum penjajahan[4]. Etnik yang terkenal dengan keramahan serta kerja keras ini turut memiliki kekayaan budaya tradisi serta hasil kreativiti yang memancarkan unsur estetika yang tersendiri. Sejajar dengan leluhur masyarakat Suluk yang mempunyai tradisi ketamadunan yang besar, iaitu di Kepulauan Sulu di Filipina, etnik Suluk di negeri Sabah memiliki dan mewariskan budaya benda dan bukan benda sejak beratus-ratus tahun dahulu (Amrullah Maraining et al., 2018). Puisi dan cerita rakyat yang dihasilkan juga dikekalkan dalam aturan yang telah ditetapkan oleh masyarakat terdahulu dan menarik untuk diberi perhatian sebagai khazanah.

Sorotan Literatur

Terdapat banyak kajian oleh sarjana berkenaan puisi tradisi peribumi Sabah, namun hampir tidak ditemukan kajian berkaitan puisi etnik Suluk di Sabah. Tentu sahaja persepsi berkenaan karya yang dimiliki itu dikaitkan dengan asal usul etnik itu sendiri mengundang semacam pertindihan berkaitan keaslian sumber karya tersebut. Kajian dilakukan oleh Nelson Dino et al. (2023) memberi gambaran berkenaan *kissa*, iaitu syair yang dimiliki orang Suluk yang memperincikan tentang ketokohan Panglima Sayyadi yang menjadi tokoh terkenal dalam masyarakat orang Suluk secara keseluruhannya. Hal-hal yang biasanya menjadi fokus kajian berkenaan orang Suluk lebih tertumpu kepada asal usul, aktiviti penghijrahan dan kebudayaan etnik Suluk. Sebagaimana yang dilakukan oleh Badlishisyam Mod Nasir & Rafihi Wasihim (2000), Kee Sabariah Kee Mohd Yussof dan Asmiaty Amat (2012) dan Amrullah Maraining et al. (2018) memperincikan berkenaan penghijrahan dan penempatan etnik Suluk di negeri Sabah serta proses penerimaan dan penolakan masyarakat tempatan terhadap mereka di negeri Sabah. Amrullah Maraining et al. (2018) menyatakan bahawa sumbangan masyarakat ini di negeri Sabah tidak perlu dipertikaikan lagi. Kedua-dua kajian tersebut menonjolkan penempatan orang Suluk, selain daripada asal usul dan sumbangan mereka sejak sebelum merdeka lagi. Nelson Dino et al. (2021) pula memperincikan tentang asal usul kedatangan orang Suluk di Sabah dan juga memperkenalkan *suluk ukkil*, iaitu salah satu seni ukiran orang Suluk. Memandangkan sumbangan orang Suluk yang sangat signifikan dalam sejarah negeri Sabah dan mereka juga dikategorikan sebagai etnik peribumi, maka kajian ini dilakukan untuk mengangkat nilai dan keindahan puisi yang dimiliki oleh etnik ini.

e ISSN 2735 –1904

Puisi Tradisi Etnik Suluk di Sabah

Puisi tradisi etnik Suluk jarang diketengahkan dalam masyarakat di Sabah atau Malaysia umumnya kerana bentuk dan pengklasifikasiannya belum pernah ditunjukkan dan dilakukan sebelum ini. Malah untuk mengklasifikasikannya agak sukar kerana nama bagi setiap puisi adalah berbeza, tetapi bentuk puisinya adalah hampir sama. Perkara unik dalam masyarakat ini adalah kerana pengertian pantun sebagai etimologi yang difahami oleh etnik lain atau orang Melayu di Semenanjung Malaysia agak berbeza dengan apa yang dimiliki orang Suluk. Orang Suluk tidak memiliki satu kata khusus untuk mendefinisikan karangan berangkap yang memiliki pembayang dan maksud atau memiliki rima akhir dan tengah sebagai mana yang difahami dalam istilah pantun Melayu. Menariknya, perkataan pantun dalam masyarakat ini bererti 'mendidik'. Contohnya jika seorang anak dididik atau dinasihati oleh ibunya, perbuatan tersebut diistilahkan sebagai 'dipantun'. Hal ini menarik sebagaimana pemahaman terhadap istilah sastera itu sendiri yang bererti mendidik atau memberi nasihat. Perkataan yang hampir kepada pantun dalam Masyarakat Suluk dikenali sebagai *daman*.

Kebanyakan puisi tradisi Suluk dilantunkan dengan iringan alat muzik seperti *gabbang*, iaitu sejenis *kulintangan* yang diperbuat daripada kayu dan mempunyai sekeping besi yang diletakkan pada bilahan kayu tersebut. Lagu-lagu puisi yang dinyanyikan disebut sebagai *sangbay* atau di*sangbay* (perbuatan menyanyi) ketika mengiringi puisi tradisi. Biasanya puisi yang dinyanyikan juga diiringi dengan tarian seperti tarian *daling-daling* yang popular di Sabah. Lokman Abdul Samad (2006) dalam kajiannya sebelum ini menyatakan bahawa puisi tradisi Suluk disebut sebagai *kalang* ataupun *kalangan*. Ia merupakan istilah umum untuk semua genre puisi yang dilagukan. Menurut beliau, puisi Suluk mempunyai pelbagai jenis mengikut tema, khalayak dan fungsi seperti pantun kanak-kanak, pantun teka-teki, lagu agama, puisi nasihat, dan banyak lagi. Namun, puisi yang lazim dipakai bagi memeriahkan sesuatu acara adalah puisi yang bertujuan untuk memberi nasihat kepada khalayak. Biasanya puisi-puisi nasihat akan dilagukan apabila ada majlis-majlis keramaian dengan melibatkan jumlah jemputan yang agak ramai. Perkara ini tentu selaras dengan apa yang dinyatakan oleh Hashim Awang bahawa penghasilan karya masyarakat tradisi tentu sahaja bersumberkan alam, dan kemudian penghasilannya adalah untuk dikembalikan semula kepada masyarakat sebagai satu bentuk nasihat dan pedoman untuk kebaikan bersama.

Semasa majlis keramaian seperti upacara perkahwinan dan juga kenduri doa selamat dilangsungkan, tuan rumah yang berhajat biasanya akan memanggil pemuisi ataupun *pangalang.* Majlis perkahwinan dianggap sebagai acara yang penting bagi masyarakat Suluk untuk merapatkan ikatan kekeluargaan. Bagi masyarakat Suluk, tarian *daling-daling* atau *pakiring* adalah dua bentuk tarian yang ditarikan dengan iringan lagu puisi secara berbalas-balas antara lelaki dan wanita. Asal usul tarian *daling-daling* ini dikatakan ditarikan untuk tontonan orang Amerika di Jolo. Pada masa itu, penari mengalai dengan iringan *sangbay* oleh penyanyi lelaki. *Sangbay* yang dilagukan adalah puisi yang berkias-kias bagi menggambarkan kecantikan wanita yang sedang menari tarian tersebut. Pada masa kini, tarian daling-daling diiringi alat muzik seperti biola dan gabbang. Ketika tarian ditarikan, penyanyi akan menyanyi lagu puisi seperti *liangkit* atau *baat* yang berbunyi seperti berikut:

Mai daling daling, mai daling daling

Bil	Puisi dalam Tarian *Daling Daling*	Terjemahan
1	*Pabugsaya na aku*	Izinkanlah aku berdayung
	Di' da maglugay didtu	tidak juga pergi lama
	Amun hadja binku	satu saja pesananku
	Magbana kau likudku	bersuami kau pergiku.
	Marpi Surim	

Berdasarkan bait pada puisi (1) tersebut, ia lebih berbentuk luahan perasaan seorang suami terhadap isterinya agar pandai menjaga diri semasa ketiadaannya. Seorang lelaki yang berlayar mencari nafkah di laut lazimnya mengambil masa yang agak lama untuk menemui isteri. Semasa menari dan menyanyi dalam tarian *daling-daling*, si suami mengambil kesempatan untuk memberi pesanan kepada isteri agar isteri setia serta menjaga diri sepanjang ketiadaannya. Dalam menegaskan rasa kasih sayang terhadap suami, pihak perempuan akan membalas puisi tersebut dengan rangkap berikut:

Mai daling daling, mai daling daling

Bil	Puisi dalam Tarian *Daling Daling*	Terjemahan
2	*Likudku ha bugsayan* *haramun in pakayan,* *amu kau di' duwahan,* *buhuk ku siyudlayan.* Marpi Surim	Selepas aku pergi berdayung haramkan segala pakaianku kenapa kau tidak diduakan rambutku tersisir rapi.

Menerusi rangkap pantun (2) yang bermaksud isteri berjanji semasa suaminya di pelayaran dia tidak akan melakukan sesuatu perkara yang tidak baik dan akan tetap setia dengan janjinya. Perlambangan setia tersebut ditunjukkan dengan frasa rambut tersisir rapi. Puisi yang bertemakan nasihat tersebut bukan sahaja mempamerkan keindahan bahasa yang memancarkan nilai budaya Suluk tetapi juga memiliki nilai keagamaan dan moral yang perlu dipegang. Seorang isteri harus pandai menjaga diri ketika ketiadaan suami di rumah. Tentu sahaja mendengar nasihat tersebut memiliki hikmah kebaikan yang tersembunyi di dalamnya. Gambaran struktur puisi yang ringkas, tetapi mampu memberikan nilai tambah kepada masyarakat adalah sangat penting. Kaedah melagukan puisi yang diiringi muzik dan tarian juga mampu memberikan kebaikan pada seluruh lapisan masyarakat. Tambahan pula, keunikan masyarakat ini terserlah dalam puisi yang dihasilkan serta menampilkan warna suasana setempat yang dilatari dengan kekayaan adat dan peraturan. Contohnya, dalam puisi yang dikenali sebagai *linangit* menunjukkan golongan tua menganggap gadis yang cantik harus pandai menjaga diri dan gadis cantik harus baik. Kata-kata yang mudah difahami ini memiliki falsafah dan nilai yang tinggi.

Bil	Puisi Suluk -Liangkit	Terjemahan
3.	*Malingkat babai,* *au malingkat babai* *malingkat babai,* *au marau babai.* Tussim Jaim	Gadis cantik Oh gadis cantik Gadis cantik Oh gadis baik

Nasihat dan pesanan tersebut turut diberikan kepada anak teruna dengan pesanan agar bijak memilih pasangan. Menurut *kalang* tersebut, anak teruna dinasihatkan agar mencari pasangan yang serasi, sekufu dan tidak hanya mengutamakan kecantikan luaran semata-mata. Perkara ini dijelaskan menerusi perumpamaan berkenaan kicap dan tauhu yang sesuai dimakan bersama ikan bakar dan dianalogikan juga dengan bunga dedap sebagaimana pantun berikut:

e ISSN 2735 –1904

Bil	Puisi Suluk	Terjemahan
4.	*Gumuling tauyu iban tauhu,* *Kaunun iban ista tiyapa,* *Muklad in sarap di' magbahu,* *Sa' malingkat panganak.* Marpi Surim	Menggoreng kicap dengan tauhu, Nasi dengan ikan bakar, kembang sedap tidak berbau, Tetapi beranak cantik

Bentuk puisi *liangkit* juga agak menarik kerana di sebalik lagu yang menjadi hiburan, terselit nilai falsafah dalam puisi, iaitu akal budi sebagaimana liangkit berikut yang dibacakan ketika upacara merisik atau meminang. *Liangkit* juga merupakan sejenis lagu yang sering dinyanyikan oleh masyarakat Suluk untuk memberi nasihat. Hal ini bererti bahawa mencari seorang isteri bukanlah semata-mata mencari wanita untuk dijadikan pendamping tetapi sebenarnya lebih daripada itu.

Bil	Puisi Suluk – Daman	Terjemahan
5.	*Yari kami miyari* *Kimita' akkal buddi* *Bang marayaw kaagi* *Magbalik kami mari* Marpi Surim	Kami ini datang ke sini Mencari akal budi Kalau baik tanggapannya Kami akan kembali ke sini

Daman adalah satu bentuk puisi yang hampir mirip dengan pantun. Contoh *Daman* Suluk adalah seperti berikut. Selain dilantunkan secara sendiri, *daman* juga ada kalanya boleh didapati dalam *kissa*. *Daman* Suluk sebenarnya tidak sama dengan pantun kerana ia tidak memiliki pembayang ataupun maksud. *Daman* Suluk juga tidak mementingkan rima akhir apatah lagi rima tengah. Perkara unik dalam *daman* ini adalah nilai akal budi atau falsafah yang terkandung dalamnya. Pemilihan kata-kata yang diberikan pemantun ini sangat abstrak dan menggunakan metafora tanah. Sebenarnya pantun ini bukanlah menceritakan tentang cara mencari tempat bercucuk tanam, tetapi *daman* ini biasanya lebih kepada kaedah seorang lelaki mencari bakal isteri. Nilai falsafah pada pemerhatian terhadap alam sekitar yang digunakan oleh masyarakat Suluk sangat mendalam dalam penghasilan karya. Hal ini bertepatan dengan pendekatan alamiah yang dianjurkan oleh Hashim Awang berkenaan dengan masyarakat yang menjadikan alam sebagai sumber inspirasi dalam berkarya.

Bil	Daman	Terjemahan
6.	*Manā' tā' lupu* *Manglawag pagtanuman* *Bang awun katanaman* *duun na magjambangan.* Tussim Jaim	menata batas, mencari tempat bertanam, kalau ada tempatnya selesa, di situlah bertanam

Kissa

Satu bentuk puisi yang menarik dimiliki oleh orang Suluk adalah *Kissa*. Ia merupakan karangan berangkap yang panjang yang di dalamnya terdapat pengisahan atau cerita berkenaan tokoh-tokoh seperti pahlawan atau ulama yang diperdengarkan kepada pendengar. *Kissa* juga biasanya disampaikan

secara berlagu dan ada kalanya dalam *kissa* terdapat pantun atau daman dan juga prosa. Pada masa dahulu, *kissa* disampaikan dalam tempoh waktu semalam hingga dua malam. (Temubual)

Berikut adalah contoh *Kissa* berkenaan Panglima Sayyadi:

Bil	Puisi Suluk	Terjemahan
7.	*Hi Panglima Sayyadi* *usug sarang in lali,* *kampung usugbabai,* *ba siya in magaagi.* *In Panglima mandangan,* *ha Tapul in lungan,* *pag-ubus nagkabtangan,* *ba ha manga kakampungan,* *ammal di' pa kulangan,* *waktu di' sin bala datungan,* *sukur awun gunggungan.* *Ba ammal ayaw hamanun,* *sambayahang hinangun.* *In sukur bang hukumun,* *ha surga' pasanannangun.* *In ammal sambahayang,* *surga bayang-bayang,* *kalu kita humayang,* *sumudda humiyang.* Tussin Jaim	Si Panglima Sayyadi lelaki cukup bergaya saudara lelaki perempuan Ba dia yang perintah. Panglima ini gagah Di Tapul kawasannya Selepas bercakap Kepada keluarganya Amal jangan dikurangkan Supaya tidak didatangi bala Agar ada yang dapat dipegang erat. Amal jangan dilengahkan Sembahyang dibuat Agar nanti dihukum Amal sembahyang Syurga terbayangkan Semoga kita hidup lapang Hidup menjadi senang.

Menerusi rangkap dalam *kissa* jelas memperlihatkan persoalan tentang tauhid dijadikan landasan kepada karya tersebut. Menerusi watak Panglima Sayyadi yang dijelaskan memperlihatkan tokoh tersebut sebagai satu watak yang benar-benar mengamalkan ajaran Islam sebagaimana yang dinyatakan dalam Pengkaedahan Melayu bahawa sebuah karya sastera harus memberikan petunjuk dan ingatan kepada masyarakat. Karya sastera harus digunakan untuk menyebarkan ilmu dan ajaran-ajaran yang mampu membawa masyarakat ke arah kebaikan. Menerusi *kissa* ini memperlihatkan cara pendekatan keagamaan yang berunsur dakwah dan kemasyarakatan ditonjolkan oleh pemuisi. Dakwah berkenaan fungsi suami atau lelaki dan isteri, tentang amal ibadah yang perlu dikerjakan oleh seorang hamba di muka bumi ini. Contoh ayat berbunyi "Amal jangan dilengahkan, sembahyang dibuat, agar nanti dihukum" jelas mengajak pendengar mentaati perintah-perintah yang terkandung dalam al-Quran.

Tarasul

Tarasul adalah sejenis puisi yang dapat dikatakan sebagai puisi rakyat yang pada masa dahulu merupakan satu kaedah pemberitahuan maklumat kepada rakyat jelata. *Tarasul* seperti arahan-arahan daripada pihak istana untuk disampaikan kepada rakyat. Seterusnya, ia dikembangkan dan hanya berbentuk puisi-puisi nasihat dan bentuk tarasul yang agak bebas dan masih dihasilkan oleh generasi

e ISSN 2735 –1904

masa kini. Biasanya puisi *tarasul* ini dideklamasikan tanpa ada iringan muzik (temubual). Abu Ahadani adalah salah seorang tokoh yang sering menghasilkan *tarasul*. Menerusi *tarasul* di bawah diperlihatkan cara doa dan pengharapan pemuisi terhadap Tuhan:

Bil	Tarasul	Terjemahan
8.	Bulansang Ha anak Apuh	
	Mag pangandu' tuud in laum pangatayan ku *Apabila aku maka kita' biha ini liyabayan ku* *Lima kami mag langgung kamagulangan aku* *Nimanam kasigpitan sabab miskin in maas ku*	Hatiku terasa sangat sedih Apabila aku melihat begini yang aku lalui Lima kami adik-beradik aku yang sulung Merasa kesempitan sebab orang tuaku miskin.
	In tiyap tiyap maas daing katu' kamatauran *Tumuyu' mag usaha sabab ahli in ha pikilan* *Supaya mga anak di' maka nanam kasigpitan* *Sabab in ha patta' bakas kuna kiya nanaman*	Setiap orang tua dari kita kebanyakan Bekerja keras sebab keluarga ada dalam fikiran Supaya anak-anak tidak merasa kesempitan Sebab yang digambar sudah aku rasakan.
	Hangkan na in maas way huwas mag hindu' *Manghud magulang usug & babae pipintutu'* *Daing kaasibi' nila pa sampay sadja limagggu'* *Bang man sila di'na maka nanam biya' kaku'*	Sebab itulah orang tua tiada henti mendidik Abang adik lelaki dan perempuan diajar Sejak mereka kecil sampai saja membesar Agar mereka tidak merasa seperti aku.
	Daing sin kabata' ku sampay sadja aku limaas *In pag pinturu' ku ha mga anak ku way huwas* *Wayna salla' ginhawa ku kabinsanaan timatas* *Bang man mga anak ha kasigpitan maha'was*	Dari aku muda sampai saja aku menua Aku mendidik anak-anakku tiada hentinya Tidak apa jiwaku menahan kesusahan Agar anak-anakku terlepas dari kesempitan.
	Magsukul aku pa Tuhan sukur Alhamdulillah *Kasigpitan kiya nanaman ku naka lipuas sila* *Ha sabab liyabay sin Tuhan kaku' in*	Bersyukur aku kepada Tuhan syukur Alhamdulillah Kesempitan yang kurasakan mereka terlepas Sebab Tuhan memberi mereka rezeki

riziki' nila	lewat aku
Kiya gausan ku tiyustusan in pag paintul kanila	Aku mampu berikan pendidikan kepada mereka.
Daing ha sabab ini banda' pa mga anak apuh	Dari sebab ini peringatan kepada anak cucu
Ganap ku sin pikilan niyu bukun aku himindu'	Tambahan fikiran untuk kamu aku bukan mengajar
Pamanduga ba kamu ha nag uusaha nag tuyu'	Cuba kamu perhatikan orang yang bekerja keras
Masanyang in mga anak in kimahagad hindu'	Anak mereka senang sebab patuh pengajaran.
Hangkan mga anak apuh ini bilang bulansang	Sebab anak cucuku adalah ini pemberi semangat
Bukun katan sin tau pag kakitaan masanyang	Bukan semua orang kita nampak adalah senang
Bat in mga maas nila daing tagna' asal altaan	Orang tua mereka dari dulu memang berharta
Mataud nag bubuluk binasa binsana' in pikilan	Ramai yang bekerja keras fikiran mereka penat.
Mahuli mangayu' aku maaf iban ampun tabiya'	Sebagai pengakhir aku minta maaf dan ampun
Ha hiklad ku ini upama awun sibu' iban patta'	Dalam aku membuka sama dengan yang digambar
Bukun hangkan hiklad maksud mamaba'maba'	Bukannya aku buka ini untuk memandang rendah
Malaingkan bulansang ku pa mga huling bata'	Melainkan semangat ku kepada anak akhir jaman.
Mahuli magsukul	
Abu Ahadani	

Menerusi *tarasul* ini, pendekatan kemasyarakatan dan moral diterapkan pengarang yang memaparkan bagaimana beliau yang telah melalui pengalaman kehidupan yang sukar. Pemerhatiannya terhadap masyarakat dan persekitaran menyebabkan beliau bekerja keras untuk kehidupan yang lebih selesa buat anak-anaknya. Keragaman peristiwa yang dilalui oleh masyarakat menyebabkan mereka bersedia dan berusaha agar segala kepahitan tidak akan berulang lagi dalam kehidupan mereka. Sebagaimana yang dikatakan bahawa terdapat persepsi-persepsi negatif berkenaan dengan etnik Suluk yang seringkali dikaitkan dengan salasilah mereka yang berasal dari selatan Filipina dan ia mengundang kesan yang agak besar terhadap perkembangan sosial dan ekonomi masyarakat di Sabah. Nasihat dan pengajaran yang disalurkan oleh pengarang dalam bentuk *terasul* ini sangat mendalam serta memenuhi pendekatan-pendekatan yang dibentangkan Hashim Awang berkenaan dengan sikap hidup sesebuah masyarakat yang berhadapan dengan pengalaman hidup yang dilalui.

e ISSN 2735 –1904

Wahui

Wahui adalah satu bentuk permainan yang dimainkan oleh masyarakat Suluk di Sabah. Perkataan ini daripada perkataan *hui hui* dalam bahasa Cina yang bermaksud hutang atau judi. Terdapat satu set kertas bergambar yang mengandungi 37 jenis pilihan gambar akan dibentangkan dalam kalangan pemain. Kaedah permainanya dimulakan dengan memulakan membaca teka-teki yang dicipta. Menurut informan, teka-teki tersebut akan dibacakan pada waktu yang ditetapkan. Contohnya pada jam 1 petang dan orang ramai boleh meneka jawapan menerusi agen yang telah dilantik. Setiap pemain akan diberikan sekeping kertas yang tertulis jawapan mereka oleh ejen berkenaan, manakala sekeping kertas lagi akan dipegang oleh ejen sebagai bukti pembelian. Setiap pemain boleh meletakkan wang pertaruhan serendah RM1.00 bagi meneka teka-teki yang dijual. Sekiranya jawapan berkenaan tepat, pulangan yang diperoleh adalah sebanyak RM30.00. Terdapat juga orang yang meletakkan wang pertaruhan dengan memilih beberapa jawapan berasingan. Sebelum waktu pengumuman, agen akan mengumpulkan jawapan mereka.

Memandangkan *wahui* ini adalah satu bentuk judi tidak berlesen dan bertaraf tradisi, operasi yang dilakukan adalah secara sembunyi seperti di kedai-kedai kopi, warung dan kedai snuker. Pergerakan ejen yang dilantik oleh seorang *tauke* (lelaki Cina) menyasarkan pelanggan dalam kalangan rakan atau kenalan rapat mereka bagi mengelakkan kegiatan terbabit dihidu oleh pihak berkuasa. Pada dasarnya orang yang terlibat dalam permainan *wahui* tidak kira lelaki atau wanita adalah terdiri daripada buruh binaan, penjaja, pekerja warung, pemandu bas atau teksi dan juga penganggur. Bagi mereka, *wahui* adalah pantun teka-teki yang menjanjikan pulangan lumayan. Hanya dengan modal serendah RM1.00 boleh menjanjikan keuntungan kerana jika dapat meneka dengan betul wang digandakan sebanyak RM30.00. Masyarakat Suluk yang aktif dalam *wahui* kebanyakannya beragama Islam dan mereka menganggap bahawa *wahui* adalah salah satu permainan berbentuk hiburan sama seperti bola sepak. Menurut informan, "Jika bola sepak juga menggunakan wang pertaruhan apa bezanya dengan *wahui?*". Namun bagi mereka jika bola sepak menggunakan kelincahan dan tenaga pemain, *wahui* menguji minda kerana ia mampu mencabar pemikiran mereka menerusi teka teki yang dipersembahkan dalam bentuk puisi tersebut.

Bentuk gambar yang ditunjukkan kepada pemain menggambarkan beberapa gambar haiwan yang perlu diteka oleh mereka. Keistimewaan dan keunikan permainan ini terletak kepada kebijaksanaan penjual teka teki tersebut memikirkan bentuk puisi yang perlu dikarang dalam serangkap yang mengandungi empat baris dan kebanyakan rimanya berakhir dengan *a, a, a, a.* Bentuknya yang sedemikian menyebabkan Lokman Abdul Samad menganggapnya sebagai pantun teka-teki. Bagi etnik Suluk di Sabah, terutamanya di Kota Kinabalu, permainan *wahui* yang dilakukan turut memberi terjemahan dalam bahasa Melayu kerana permainan tersebut telah turut diminati dan diikuti oleh etnik lain. Contoh *wahui* adalah seperti berikut:

Bil	*Wahui*	Terjemahan
9.	*Sattua di' maglupad*	Binatang tidak terbang
	Ha lupa' siya magpugad	di tanah dia bersarang
	Minsan aun lumanggad	biar ada melanggar
	Di' mabuga' maligad	tidak takut jatuh (lipan)
	Sattua ini magpugad	Binatang ini bersarang
	Bang mahilu magsipadpad	Kalau mabuk bergerak
	In ikug maglabad-labad	Ekornya bergoyang
	Bang mahinaat mabukag.	Kalau pagi sangat bising (ayam)
	Abdul Nasir Jumaad	

Berdasarkan kategori gambar yang diberikan menunjukkan bahawa kebanyakan jawapan w*ahui* adalah berkenaan haiwan, sama ada haiwan di hutan seperti gajah atau haiwan domsetik seperti ayam, kambing dan kucing.

Bil	Wahui	Terjemahan
10.	*Sattua ini malangga'*	Haiwan ini manja
	Magtug wayi bidda'	Tidur merata-rata
	Bang ulinan simipa'	Dipegang menendang
	Butawanan dumaya'	Dilepaskan menelentang (kucing)
	Abdul Nasir Jumaad	

Permainan ini bertambah menarik apabila diksi haiwan disebut sebagai penanda bahasa yang terdapat dalam *wahui*, untuk merujuk pada jawapan-jawapan tertentu. Namun, jawapan yang dikemukakan tidak semestinya merujuk pada haiwan sebagai jawapannya. Ia boleh juga berkenaan perkara atau objek lain seperti pelacur, perahu, tongkat, gitar dan sebagainya lagi. Sebagai contoh:

Bil	Wahui	Terjemahan
11.	*Sattua ini maadla*	Binatang ini liar
	mataud in malasa	banyak yang sayang
	binasahun di' magluga	dibinasa tidak jerah
	subay kita majaga	harus kita berhati-hati (pelacur)
	Tussin Jaim	
	Sattua ini bantug	Binatang ini terkenal
	gimba sampay pa laud	darat sampai ke laut
	minsan bukun mataud	biar bukan banyak
	mahunit mu muraug	susah mahu dikalah (perahu)
	Abdul Nasir Jumaad	

Bentuk *wahui* sama seperti bentuk teka-teki masyarakat lain yang bersifat mengelirukan, mengenakan dengan memasukkan unsur kelucuan. Namun jika diteliti, penghasilan puisi berbentuk teka-teki ini memberi gambaran kebijaksanaan masyarakat Suluk menggunakan akaliah dengan pemerhatian terhadap alam fauna untuk menghasilkan teka-teki. Contohnya, bagi membayangkan jawapan berkenaan sejenis binatang pemakan rumput yang sangat takut dengan air, digambarkan apabila terkena hujan, binatang berkenaan akan bergegas mencari tempat berteduh sehingga masuk ke dalam rumah. Bagi pemain *wahui* yang sudah memahami perlambangan tersebut dengan mudah akan memilih kambing sebagai jawapan pada soalan berkenaan. Keseluruhan *wahui* ini menggambarkan bagaimana masyarakat begitu arif dengan alam sehingga mereka menjadikan fauna sebagai salah satu subjek yang membentuk wahui. Pencipta *wahui* tentunya orang yang bijaksana hanya dapat meneka teka-teki ini dengan imaginasi dan pemerhatian mereka terhadap tingkah laku haiwan-haiwan yang ada di persekitaran mereka. Hal ini dikaitkan dengan pendekatan moral dan alamiah yang terdapat dalam Pendekatan Melayu yang diperkenalkan oleh Hashim Awang.

e ISSN 2735 –1904

Bil	Wahui	Terjemahan
12.	*Sattua pagkublaan*	Haiwan senang terkejut
	hasagbut in hulaan	tempatnya di rumput
	bang siya kaulanan	kalau terkena hujan
	sampay bay banjilan	sampai rumah pun banjir (kambing)
	Abu Ahadani	

Lazimnya, setiap *wahui* akan memancarkan bayangan jawapan dalam baris-baris terpilih sebagaimana yang dapat diperhatikan menerusi contoh *wahui* (14). Haiwan yang dicari menunjukkan sifat yang suka *bertapuk* (sembunyi). Oleh sebab ia menyukai habitat yang tidak mudah dilihat manusia, menjadikannya mudah mencari makanan yang tentu dapat menggemukkan. Bagi pemain *wahui* yang mahir, dua kata kunci yang dapat dijadikan bayangan pada jawapan tersebut, iaitu *bertapuk* dan menyisip dan jawapannya adalah tikus.

Bil	Wahui	Terjemahan
13.	*Sattua nagtatapuk*	Haiwan bertapuk
	baran niya matambuk	badannya gemuk
	misan halaum tunuk	biar di dalam duri
	masapat bang sumuksuk	cepat kalau menyisip (tikus)
	Abu Ahadani.	

Berdasarkan pemerhatian terhadap *wahui* yang mengandungi jawapan kucing dan anjing, ia menunjukkan tahap kesamaran yang begitu mengelirukan. Dengan ciri fizikal yang hampir serupa, anjing dan kucing mempunyai segolongan penggemarnya yang tersendiri, iaitu walaupun disayangi tetapi ketika membuat kesilapan ia tetap dipukul oleh tuannya. Sifat pantas berlari, bulu berkilat, degil, nakal dan disayangi manusia ada pada kedua-dua haiwan berkenaan.

Bil	*Wahui*	Terjemahan
14.	*Sattua ini sikat*	Binatang ini terkenal
	Bulbul niya mainggat	bulunya berkilat
	Misan siya mabuggat	biar dia berat
	Bang dumagan masapat.	kalau berlari cepat (kucing)
	Ani Omar	
15.	*Sattua ini maadla*	Binatang ini liar
	Mataud in malasa	banyak yang sayang
	Binasahun di' magluga	dipukul tidak jerah
	Subay kita majaga	harus kita berhati-hati (anjing)
	Ani Omar	

Sungguhpun *wahui* adalah satu perjudian, penelitian ini lebih kepada kefahaman bahawa *wahui* itu sebagai sebuah puisi yang memaparkan kebijaksanaan pemuisi menghasilkan teka-teki yang

cepat dalam tempoh yang singkat berdasarkan kepada gambar yang diberikan. *Wahui* yang terhasil dengan kaedah penciptaannya yang indah dan memiliki simbolik daripada pemerhatian terhadap persekitaran. Hal ini menunjukkan bahawa unsur tersebut bukan sahaja menjadi identiti masyarakat Suluk, tetapi turut memperkayakan kepelbagaian dalam kaedah penciptaan teka-teki dalam masyarakat secara keseluruhannya.

Kesimpulan

Puisi lisan masyarakat Suluk di Sabah mencerminkan kekayaan khazanah budaya mereka yang dinamik dengan menyesuaikan peranannya mengikut landasan kebudayaan dan falsafah kehidupan mereka. Walaupun kebanyakan puisi tersebut hanya wujud sebagai bentuk hiburan, peranan puisi dalam masyarakat tersebut sangat besar kerana ia bukan semata-mata dicipta sekadarnya. Puisi Suluk dalam pelbagai bentuk seperti yang dinyatakan di atas memperlihatkan ciri-ciri identiti masyarakat tersebut yang penuh dengan nilai falsafah. Meneliti karya-karya tersebut dengan menggunakan Pengkaedahan Melayu telah menonjolkan kebijaksanaan etnik Suluk yang menjadi pemerhati dan perakam pengalaman dan ditonjolkan dalam bentuk puisi. Pemilihan gaya bahasa yang halus dan indah dan berirama mengangkat nilai puisi-puisi tersebut tanpa menghilangkan nilai falsafah yang terkandung dalamnya. Karya-karya ini pula seiring dengan Pengkaedahan Melayu menerusi pendekatan dakwah, gunaan dan moral yang diperkenalkan oleh Hashim Awang. Sungguhpun pantun *wahui* tidak boleh dianggap sebagai mewakili budaya yang selayaknya diteladani kerana terdapat unsur pertaruhan yang melibatkan wang. Namun demikian, isi pantun teka-teki tersebut tetap memiliki nilai kearifan masyarakat Suluk.

Rujukan

Amrullah Maraining, Zaini Othman, Marsitah Mohd Radzi, & Md Saffie Abdul Rahim. (2018). Komuniti Suluk dan persoalan migrasi: *Sirih pulang ke gagang — The community of Sulu and the issue of migration. Jurnal Kinabalu, 24,* 1–18. https://doi.org/10.51200/ejk.v24i.1678

Asmah Omar. (1983). *The Malay peoples of Malaysia and their languages.* Dewan Bahasa dan Pustaka.

Badlishisyam Mod Nasir, & Rafihi Wasihim. (2000). *Migrasi dan dakwah: Satu tinjauan awal di kalangan migran Filipina Muslim di Kota Kinabalu, Sabah* [Tesis Sarjana, Universiti Kebangsaan Malaysia].

Hashim Awang. (1988). *Teori dan kritikan sastera Melayu tradisional.* Dewan Bahasa dan Pustaka.

Hashim Awang. (1989). Kajian sastera: Suatu pendekatan Melayu. *Dewan Sastera,* Disember, 60–63.

Hashim Awang. (1993a). Pengkaedahan Melayu dalam kajian dan kritikan kesusasteraan. *Dewan Sastera,* 52–56.

Hashim Awang. (1993b). Menilai hidayah dengan pendekatan dakwah. *Dewan Sastera,* Februari, 73–78.

Hashim Awang. (1994). Metodologi kesusasteraan Islam: Kaedah penilaian. *Dewan Sastera,* Februari, 10–15.

Hashim Awang. (1998). Teori dan kritikan kesusasteraan Melayu (Bahagian Akhir). *Dewan Sastera,* Oktober, 7–10.

e ISSN 2735 –1904

Hashim Awang. (2002, 28–29 Jun). *Teori Pengkaedahan Melayu dan prinsip penerapannya* [Kertas kerja]. Bengkel Kajian Teori Sastera Melayu, Dewan Bahasa dan Pustaka, Riviera Bay Resort, Melaka.

Julasri Hajad. (2007). *Tausug & Kesultanan Sulu.* RNH Sdn. Bhd.

Kee Sabariah binti Kee Mohd Yussof, & Asmiaty Amat. (2012). Murut & pelbagai etnik kecil lain di Sabah. Dalam *Siri Etnik Sabah* (hlm. 335–362). Institut Terjemahan & Buku Malaysia.

Lokman Abdul Samad. (2002, 8–15 Oktober). *Badaub: Pantun masyarakat Bisaya di Sabah* [Kertas kerja]. Persidangan Antarabangsa Pengajian Melayu Beijing Kedua, Beijing.

Lokman Abdul Samad. (2006). Motif dalam pantun Sabah. *Jurnal Melayu,* 1(5), 66–91.

Nelson Dino, Baharudin Arus, Lokman Abdul Samad, & Jul-Amin Ampang. (2021). *Suluk ukkil on the Barung: Expressions, motifs and meanings.* Universiti Malaysia Sabah Press.

Nelson S. Dino, Mary Joyce Z. Guinto-Sali, Al-Haniff Lee Matolo, Asmiaty Amat, & Sajed S. Ingilan. (2023). Uncovering the unsung hero of Sulu: Panglima Sayyadi's character archetypes in *Kissa. Southeastern Philippines Journal of Research and Development, 28*(1), 49–68.

Rahman Shaari. (1993). *Pengantar teori sastera.* Dewan Bahasa dan Pustaka.

Zurinah Hassan. (2010). *Unsur alam dalam puisi Melayu moden.* Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Sumber Temu Bual

1. Tussin Jaim. *Temu bual peribadi,* 12 Mac 2025, Kampung Rampayan Laut, Sabah.
2. Abdul Nasir Jumaad. *Temu bual peribadi,* 14 Mac 2025, Kampung Likas Lama, Sabah.
3. Marpi Surim. *Temu bual peribadi,* 16 Mac 2025, Kampung Likas Ujung, Sabah.
4. Ani Omar. *Temu bual peribadi,* 18 Mac 2025, Kampung Likas Ujung, Sabah.
5. Gomer Dacila. *Temu bual peribadi,* 20 Mac 2025, Kampung Likas Ujung, Sabah.
6. Abu Ahadani. *Temu bual peribadi,* 22 Mac 2025, Kota Kinabalu, Sabah.